



Lazimnya untuk menghasilkan langsir yang cantik dan menarik memerlukan penggunaan kain yang banyak serta aksesori tambahan sebagai hiasan. Walau bagaimanapun, bagi anda yang inginkan sesuatu yang mudah dan ringkas, penggunaan 'swag' sahaja sudah memadai.

Selain digunakan sebagai langsir yang digantung pada palang atau rod, swag solo ini juga boleh digunakan untuk hiasan tambahan pada meja utama di majlis-majlis keraian.

Penggunaan cara ini selain mudah dan ringkas juga menjimatkan masa, belanja dan penggunaan kain.



SINGLE SWAG WRAPPED OVER POLE

Mudah & ringkas

Penyelaras MIRIEATIE
Kerjasama AX Home Deco Sdn Bhd, Bandar Kinrara, Puchong.

LANGSIR 'SWAG'

Bahan yang diperlukan

- Semua jenis kain sesuai digunakan untuk dijadikan swag tetapi hendaklah lembut dan berat serta mudah untuk dikedut dan membentuk kelopak.
- Ambil suku daripada labuh kain. Ukuran panjang kain bergantung kepada kehendak dan kesesuaian lebar tingkap atau meja yang ingin dihiasi (jika perlu, sambungkan kain). Ukuran praktikal adalah lebar (tingkap/meja) 2 kali ganda + pada labuh kanan dan kiri kain (untuk dijadikan sebagai 'ekor' kain).
- Benang atau gelang getah untuk mengikat bahagian yang hendak dijadikan seperti kelopak.
- Palang atau rod (untuk tingkap), jarum peniti atau pin (untuk hiasan meja)
- Kemaskan atau jahit tepi kesemua bahagian tepi kain.

Cara menggantung/membentuk 'ekor'

- 1 Ambil salah satu bahagian 'ekor' kain. Kedutkan sedikit demi sedikit pada bahagian tengahnya.
- 2 Simpulkan bahagian yang telah dikedutkan dan ikat menggunakan benang atau gelang getah.
- 3 Cantumkan kedua-dua bahagian hujung kain pada simpulan berkenaan. Tarik sedikit bahagian hujung berkenaan.
- 4 Kemaskan dengan memasukkan salah satu bahagian hujung berkenaan ke bahagian yang satu lagi. Pin atau jahit (jika perlu).
- 5 Bentukkan menjadi seperti kelopak. Buat cara yang sama untuk bahagian yang satu lagi.

'SWAG' ALAS MEJA

Sama seperti langsir, 'swag' juga akan menambah seri 'scallop' pada alas meja utama selain penggunaan aksesori atau hiasan meja lain.

Bahan yang diperlukan

- Sama seperti kain untuk langsir, swag pada meja ini juga menggunakan jenis kain yang sama. Untuk membezakannya dengan alas meja atau scallop pada alas meja, gunakan warna yang berlawanan.
- Ambil suku daripada labuh kain. Ukuran praktikal adalah lebar 2 kali ganda + labuh pada kanan dan kiri kain (untuk ekor).
- Benang atau gelang getah untuk mengikat bahagian yang hendak dijadikan seperti kelopak.
- Jarum peniti atau pin (untuk hiasan meja)
- Kemaskan atau jahit tepi kesemua bahagian tepi kain.



*Beberapa contoh 'single sulag' untuk meja, tingkap dan pintu.



*Selain cara ringkas dan mudah ini, terdapat beberapa reka bentuk swag yang disesuaikan dengan alas meja dan langsir seperti beberapa contoh berikut.



Cara membentuk 'swag'

1. Sediakan alas meja (kosong) atau dibentuk lipatan 'scallop'.
2. Pinkan atau jahit (jika perlu untuk menguatkannya) kain yang akan digunakan untuk membuat 'swag' pada bahagian tepi alas meja/scallop.
3. Buat kedutan sedikit demi sedikit dari bawah sampai ke atas.
4. Simpulkan sedikit bahagian yang telah dikedutkan dan ikat menggunakan benang atau gelang getah. Cantumkan kedua-dua bahagian hujung kain pada simpulan berkenaan. Tarik sedikit bahagian hujung berkenaan. Kemaskan dengan memasukkan salah satu bahagian hujung berkenaan ke bahagian yang satu lagi. Pin atau jahit (jika perlu). Bentukkan menjadi seperti kelopak. Buatkan cara yang sama untuk bahagian yang satu lagi.



- Jika anda mempunyai sebarang masalah/ berkaitan menjahit, anda boleh menghantar sebarang pertanyaan kepada AX Home Deco Sdn Bhd atau ke alamat :
Belajar Menjahit, Majalah Seri Dewi & KELUARGA
Lot 2, Jalan Sepana 15/3, Off Persiaran Selangor, Seksyen 15, 40200 Shah Alam.